

03/12/2001

Nur Misuari tidak mohon suaka politik

BUTTERWORTH, Ahad - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam ini menegaskan Nur Misuari tidak memohon suaka politik di negara ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao itu akan dihantar balik ke Filipina.

"Tak ada," katanya ketika ditanya sama ada Nur Misuari memohon suaka politik di Malaysia.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa di Surau Permatang Manggis, Kepala Batas, dekat sini, petang ini.

Turut hadir, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas, beberapa Exco kerajaan negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalid Ramli dan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMP), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin.

Ditanya bila Misuari akan dihantar balik ke Filipina, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, dia akan dihantar balik tidak lama lagi.

"Memang kita nak hantar (balik Nur Misuari). Tak lamalah, tak lama...Tak lama," katanya.

Mengenai pendirian Persidangan Negara Islam (OIC) berhubung kes membabitkan Misuari, beliau berkata, Malaysia setakat ini tidak mendengar sebarang pendirian OIC mengenai perkara itu.

"Kita tak tahu apapun OIC punya pendirian, tak ada dengar apa-apa pendirian OIC pun," katanya.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Abdullah berkata, pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak membawa sebarang makna jika ia tidak diikuti dengan pengisian ke arah itu.

Justeru, katanya, menjadi tanggungjawab masyarakat Islam terutama generasi masa kini untuk mempertingkatkan lagi pencapaian Malaysia dalam pelbagai bidang, sekali gus mendapat pengiktirafan seluruh dunia.

Beliau berkata, ini termasuk mempertingkatkan pencapaian rakyat dalam bidang pendidikan, ekonomi dan perdagangan.

"Yang penting sekarang ialah tanggungjawab pengisian sebagai sebuah negara Islam, iaitu bagi memastikan Malaysia mampu mencapai kejayaan lebih besar pada masa depan," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah menerima sebanyak 1,000 kampil berat sebagai sumbangan zakat daripada Pengarah Bernas Mart Sdn Bhd, Abdul Rahim Ahmad.

Abdullah turut menyampaikan sumbangan zakat kepada 14 sekolah angkat DPMMP.

(END)